

06 MAR 1999

Gerakan-Pemilihan

PERSIDANGAN KEBANGSAAN GERAKAN DITETAPKAN PADA BULAN JULAI

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Sejumlah 1,600 perwakilan akan menghadiri persidangan kebangsaan Gerakan Julai ini, kata Presiden parti itu Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini.

"Tahun ini adalah tahun pemilihan pemimpin peringkat negeri dan kebangsaan ... persidangan akan memilih anggota jawatankuasa pusat parti," katanya kepada pemberita selepas mempengerusi mesyuarat bulanan pemimpin parti itu di sini.

Beliau berkata jawatankuasa badan perhubungan peringkat negeri akan mengadakan mesyuarat bagi menetapkan tarikh pemilihan di peringkat negeri mulai bulan depan.

"Saya harap pemilihan akan selesai menjelang Mei. Kesemua 12 buah negeri akan memilih wakil negeri kecuali Johor dan Selangor," katanya.

Dr Lim berkata pemilihan di kedua-dua negeri itu digantung bagi "tujuan penyusunan semula" berikutan pertelingkahan antara puak dalam parti itu tahun lepas semasa pemilihan peringkat cawangan dan bahagian.

Menurutnya pemilihan di kedua-dua buah negeri itu akan diadakan pada tarikh lain yang akan ditentukan oleh jawatankuasa pusat.

Pemimpin negeri yang dipilih pada pemilihan 1996 akan mewakili kedua-dua negeri itu pada persidangan perwakilan selama dua hari bermula pada 24 Julai, katanya.

Kedua-dua negeri itu penting bagi Gerakan dalam memastikan jentera parti bersiap sedia dan menumpukan kepada pilihan raya umum akan datang memandangkan parti itu mempunyai dua kerusi Dewan Undangan Negeri di Johor dan tiga di Selangor, katanya.

Persidangan perwakilan kebangsaan parti itu yang dijadual dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Pengerusi Barisan Nasional, akan dihadiri para perwakilan daripada peringkat cawangan, bahagian dan negeri.

-- BERNAMA

GM LAT